

KEM BINA NEGARA MAHASISWA SIRI 1 & 2, 2007/2008

BERJALAN LANCAR

Seramai 155 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar tahun satu telah mengikuti Kem Bina Negara Mahasiswa Siri 1 & 2, 2007/2008 bertempat di Membakut Lake Eco Training Centre, Membakut yang dijalankan pada 26-29 Julai 2007 & 8-10 Julai 2007. Siri BTN ini merupakan aktiviti tahunan Persatuan Mahasiswa Perniagaan & Ekonomi, Sekolah Perniagaan & Ekonomi dengan kerjasama Biro Tata Negara (Sabah). Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program berlangsung antaranya LDK, Ceramah dan Kembara. Majlis penutup telah dihadiri oleh Penolong Pengarah BTN (Sabah) Tuan Asmarah Hj. Rikun, Penasihat Pelajar & PMPE, En. Arif @ Kamisan Pusiran, juga selaku wakil Dekan, Tn. Hj Ahmad, Ketua Jurulatih Kem, En. Zainal Abidin, Ketua Fasilitator Kem dan Sdri Junaidah Arbain, mewakili Pengarah Program BTN Mahasiswa SPE. Sebelum itu, peserta telah mendengar amanat dari Dekan

